



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpورا9>



FSPU

PAPER CODE : AR225

PENGARUH ADAT PERPATIH DAN AGAMA DALAM REKABENTUK RUMAH TRADITIONAL BUMBUNG PANJANG DI NEGERI SEMBILAN.

Othman Mohd Nor^a, Fadhlina Ahmad^b, YM Raja Nafida Raja Shahminan^c,
Abdul Hamid Mohamed^d

^{a,b}Fakulti Senibina, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

^cFakulti Senibina, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

^dFakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia
othman_mnoor@yahoo.com, jesz199@yahoo.co.uk, abd_ammed@yahoo.com

Abstrak

Kedatangan migrasi masyarakat perantau Minangkabau ke Tanah Melayu suatu ketika dulu telah membawa masuk pengaruh dalam masyarakat terutama dalam budaya dan senibina. Salah satu pengaruh kuat yang dibawa adalah sistem Adat Perpatih yang diamalkan oleh majoriti masyarakat di Negeri Sembilan sehingga kini. Pengaruh ini diterima pakai oleh masyarakat pada masa itu kerana ia berpegang kuat kepada hukum Al Quran dan mengamalkan sistem matrilineal yang melindungi kaum wanita. Aturan hidup masyarakat Adat Perpatih adalah berlandaskan Islam dan Adat perpatih itu sendiri termasuklah sistem kekeluargaan dan sistem pembahagian harta pusaka. Oleh itu adat dan Islam saling lengkap melengkapi sehingga masyarakat adat mengganggu hubungan keduanya begitu jitu.

Senibina rumah tradisional bumbung panjang Negeri Sembilan, adalah contoh terbaik hasil hubungan erat adat dan Islam. Kertas kajian ini akan mengkaji secara terperinci konsep kesatuan dan privasi pada senibina rumah tradisional bumbung panjang di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: Migrasi, Pengaruh Adat Perpatih, Hukum Syarak, Rumah Tradisional Bumbung Panjang dan Senibina.

1. Pengenalan

Kedatangan masyarakat Minang ke Negeri Sembilan telah di bawa oleh masyarakat Siak bermula dari era kurun ke 11 dan 12. Ada juga yang menyatakan, di dalam paper ini akan menerangkan tentang sejarah ringkas Negeri Sembilan dan perkaitan dengan adat Perpatih yang di pegang dan di amalkan oleh masyarakat tempatan. Di dalam kertas ini juga banyak kata-kata perbilangan bagi menerangkan makna-makna ayat yang lebih halus dan simbolik, panduan, kata-kata nasihat di dalam salah silah perbuatan dan amalan masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan. Menurut (Shamsuddin Ahmad 2012) didalam menjalankan kehidupan yang penuh harmoni dengan berpegang pada amalan adat Perpatih, yang mementingkan kehidupan bermasyarakat dengan adat perpatih dapat disesuaikan dengan hukum syarak Sistem kekeluargaannya lebih bersifat matrilineal dan nasab keturunan mengutamakan jurai keturunan sebelah ibu. Hak mewarisi harta diberikan kepada perempuan dan musyawarah merupakan asas bagi pentadbiran dan penyelesaian masalah yang dihadiri oleh perwakilan setiap suku yang mempunyai ketua adat yang dikenali sebagai Lembaga.

Ketua daripada pelbagai peringkat dilantik oleh kumpulan ketua daripada peringkat bawah. Disamping itu juga didalam melahirkan masyarakat yang beradat, setiap perbincangan serta permusyawarahan itu bermula dari tempat kediaman, kediaman atau rumah tradisional masyarakat Melayu Negeri Sembilan atau lebih di kenali sebagai rumah tradisional Melayu bumbung panjang. Menurut (Yaakub Idrus 1996), di dalam konsep seni bina rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan terdapat sedikit hal-hal kecil yang boleh di sifatkan sebagai keragaman atau variasi yang bersifat memperkatakan tentang penyediaan ruang yang terdapat dalam sesuatu seni bina atau bangunan, apakah makna dan tujuan ruang-ruang tersebut diadakan, termasuklah peraturan-peraturan dan pantang larang yang berkaitan dengannya. Didalam aspek pembinaan rumah Melayu Negeri Sembilan terdapat pantang larang dan

kepercayaan yang terangkum dalam falsafah seni bina Melayu. Di dalam (Marzuki Monir 2007 menurut A.Halim 1985) terdapat perubahan nyata tentang susunan ruang dan bahagian-bahagian komponen bangunan rumah yang mula di sesuaikan dengan kehendak-kehendak mengikut genetik sesuai dengan ajaran Islam. Maka disinilah perubahan-perubahan telah di buat bagi mewujudkan ruang-ruang tertentu untuk kegunaan kaum lelaki dan juga kaum perempuan.

1.1 Adat Perpatih Di Negeri Sembilan

Menurut (Hamka 1963) kewujudan Kerajaan Negeri Sembilan yang di bawa dari Minangkabau bermula dari tahun 1400 bermula dengan sebuah kerajaan Islam Melaka. Raja Islam Melaka mulai dari Sultan Muhammad Syah secara terang menjadi pembela dan penyebar Agama Islam. Pada masa rakyat Minangkabau tidak berpuashati dengan susunan kebudayaan campuran Hindu – Islam pada masa itu. Sistem pentadbiran di Seri Menanti, Naning, Johol, Lukut dan lain-lainnya itulah yang di pindahkan ke Tanah Melayu, mendirikan negeri di Rembau dan mashyur dengan nama Negeri Sembilan. Raja yang asal di beri gelaran Yam DiPertuan. Supaya perhubungan dengan negeri asal tidak putus di tetapkan tanah di Seberang sebagai tanah Luak Mengandung, yang tebal keIslamannya. Sistem sosial dan politik adat perpatih adalah teratur dan menyeluruh.

Didalam penulisan “*adat perpatih dan Islam*” oleh (Durrishah Idrus 1990) menurut beliau unit yang terendah ialah perut yang di ketuai oleh Buapak (ibubapa), kemudian unit suku di ketuai oleh Dato Lembaga, kemudian unit luak, di bawah pimpinan Dato Penghulu Luak iaitu undang dan unit terakhir adalah unit meliputi keseluruhan unit-unit tersebut iaitu negeri (Negeri Sembilan) di bawah pimpinan Yam Dipertuan Besar (Yam Tuan). Adat Perpatih sebenarnya wujud di Negeri Sembilan sebenarnya bukanlah membayangkan adat perpatih yang wujud dari negeri asalnya, Minangkabau. Kerana terdapat perbezaan dalam bentuk sistem pemerintahan. Sebagai contoh, sistem Undang tidak terdapat di sana, adat perpatih yang wujud di Negeri Sembilan sebenarnya tidak begitu banyak di persuaikan dengan kehidupan masyarakat tempatan dan mungkin atas dasar ini ia masih wujud hingga ke hari ini. Adat Perpatih tidak bertulis, segala hukum-hukum yang terdapat yang terdapat di dalam sistem ini di perturunkan dari satu keturunan dengan menggunakan daya ingatan semata-mata. Ia adalah di dalam bentuk kata-kata adat. Pepatah dan pertitih, sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat. Namun begitu konsepnya amnya meliputi seluruh bidang undang-undang; iaitu peraturan perlantikan ketua-ketua adat, peraturan pembahagian harta benda, peraturan perwarisan dan soal-soal tanah dan undang -undang lain tak kurang pentingnya.

1.2 Islam Di Dalam Adat Perpatih

Adat perpatih menuntut beberapa perubahan dalam sistem adat itu sendiri setelah kedatangan agama Islam ke dalam Masyarakat Melayu Minangkabau yang telah sedia mempunyai sistem kehidupan, Perubahan yang jelas mengikut hukum syarak ialah yang berkenaan dengan nikah dan cerai (talak). Sementara di dalam kebanyakan soal yang telah di lakukan juga beberapa pengubahsuaian untuk memudahkan pelaksanaan sistem tersebut. Kepada masyarakat tradisi adat perpatih, tidak timbul soal pertentangan antara agama dan adat kerana pertentangan dianggap membawa kepada kerosakkan. Oleh kerana wujud lebih lama sebelum Islam di terima di dalam masyarakat Minangkabau, agama Islam lah yang di sesuaikan dengan adat. Malah Islam di anggap “melengkapkan adat” kerana adat khususnya tentang peraturan-peraturan hidup di dunia sahaja. Pendapat ini di sokong oleh Haji Mohd Din bin Ali.

“Although the adat had provided a logical and nutral social on the order, culled us it was from the facts of life and from the law of nature, it was still very much a system of of secular and mundane life without the promise of a religouse or spiritual existence. While adat provided ordery rules and traditions for the ordinary work a day world, Islam preached the concept of the unity of beast and being, heaven and earth, life and death, under one supreme deity”.

Oleh itu adat dan Islam adalah saling melengkapi sehingga masyarakat adat mengaggap hubungan keduanya begitu jitu:

Adat di pakai, syarak di turut, Syarak mengata, adat memakai.

Didalam Islam menegah kejahatan, ia juga mempunyai kaitan di dalam pegangan adat perpatih menegah semua keburukkan dan mengajak masyarakat mengamalkan hidup yang bersyariat. Setiap perlakuan individu

melambangkan dan cerminan sikap individu itu sendiri kerana adat dan Islam sama-sama mementingkan kebajikan, kesempurnaan budi pekerti di dalam hidup bermasyarakat, nilai muafakat, nilai moral dan hormat menghormati.
Adat bersendi syarak, Syarak bersendi adat, Syarak mengatakan adat Memakai, Masjid sebuah, balairung seruang

Fakta di dalam Adat perpatih yang berlandaskan syariat Islam turut di sokong oleh Bapak Hamka (Hamka 1963) beliau mengatakan Dato Penghulu sebagai yang menerima pusaka dari adat Perpatih Nan Sebatang dan Datuk KeTemenggungan telah menggunakan sistem yang diwarisi dari Al- Quran ajaran Rasullulah S.A.W menyeru umat berbuat kebaikan menegah segala kejahatan, setelah sistem perhubungan antara Aceh dan Melaka di satukan sistem pemerintahan lama dengan sistem pemerintahan Islam, selepas peperangan Paderi para pemerintah lama akan menghukum anak-anak buah yang membuat onar dengan sistem adat ia juga menjalankan hukuman berlandaskan Islam.

Kuat Adat, tak gaduh Hukum, Kuat Hukum, tak gaduh Adat, Ibu adat maufakat, Cermin yang tak kabur, Pelita yang tak padam

Oleh kerana masyarakat mempunyai budaya dan ia merupakan satu cara hidup, maka adat adalah satu unsur budaya yang di gunapakai oleh ahli masyarakat melalui proses sosialisasi, dengan cara itulah adat itu berkembang dan dapat di pertahankan menurut (Mahmud Salleh Yassin 2007).

Menyentuh apa-apa yang di katakan adat sebagai peraturan atau undang-undang yang mengatur kehidupan bermasyarakat telah di sepakati oleh ketua-ketua adat dan pengamal-pengamalnya bahawa mereka menafsirkan adat itu di asaskan daripada kata-kata yang berikut.

Pertama kata Allah, Kedua kata Rasul, Ketiga kata pusaka, Keempat Kata muafakat, Kelima kata betaromba, Keenam kata bersalsilah

Dari kata-kata diatas jelaslah kedudukan adat itu sangat berkait rapat dengan syarak menepati kata perbilangan:

Pada Adat menghilangkan yang buruk, Menimbulkan yang baik, Pada syarak menyuruh berbuat yang baik, Menegah berbuat yang jahat.

Adat adalah sesuatu yang asli dan bukan saduran. Walaupun ia telah melalui berbagai-bagai keadaan dan meniti peredaran zaman namun ia tetap asli seperti kata perbilangan:

Adat tak lapuk dek hujan, Tak lekang dek panas, Gemuk berpupuk, Segar bersiram, Dianjak layu dicabut mati

Menurut (Mahmud Salleh Yassin 2007) lagi ia menjamin bahawa kedudukannya terkawal dan selamat kalau di amalkan dengan baik. Ini menunjukkan adat perpatih adalah satu peraturan hidup di laksanakan dan di pertahankan terutama dari segi hukumannya kerana adat itu menuju kebenaran yang Haq. Adat Perpatih telah mengabungkan dirinya dan keragaman tuntutan agama sebagaimana persamaan anutan masyarakat. Kata perbilangan yang begitu kaya dalam adat ini perlulah ditafsir dan di huraikan secara sihat serta berilmu agar landasan adat dan syarak dapat berdiri dan bergerak seiring jalan dan seirama. Hukum agama merupakan sendi dan nadi utama. Adat Perpatih untuk terus hidup dan berfungsi mengerakkan dirinya. Seandainya sendi itu di anjakkan, ataupun langsung dibuang maka adat dengan sendirinya menjadi kucar kacir dan beku. Justeru itu kedua-duanya perlulah di selaraskan melalui asas tegaknya adat bertungjangkan muafakat dan kittabullah sebagai pendukung kemutlakan hukum agama yang tidak berubah lagi.

Penegasan hukum yang bersendikan Al-Quran dan As- Sunnah (Kitabullah) menjadi tempat berjejaknya Adat Perpatih merupakan bentuk kesepaduan yang unik dan halus. Dengan kenyataan ini dapat di buat kepastian bahawa Adat Perpatih dan telah meletakkan syariat Islam pada tempat teratas dalam semua situasi, namun begitu adat perpatih tidaklah selengkap syariat Islam, tetapi ia telah menjadikan kitabullah yang sempurna itu sebagai tempat rujukkan dan sumber (mengistimbat) hukum. Dalam sejarah perkembangannya yang lama dan panjang itu, mana-mana adat yang bertentangan dengan syariat Islam telah di buang sedikit demi sedikit sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri yang “mengubah secara hikmah”. Adat yang bertentangan dengan syariat ia tetap di kekalkan, ini sesuai dengan kaedah fikhiyah, iaitu apabila terdapat sahaja di mana-mana adat yang tidak bertentangan dengan syariat ia boleh dijadikan hujah kepada pembentuk hukum syarak.

Pada Adat, Menimbulkan yang baik, Kota Syarak, Menyuruh berbuat baik, Menegahkan berbuat kejahatan.

Masyarakat telah sebat di dalam menjalankan sistem adat dalam keseharian mereka dengan mengikut peraturan hidup dan terdapat juga sudut pandang masyarakat tidak menggalakan perkahwinan dari rumpun @ suku atau keturunan dari sebelah ibu yang sama, ia di anggap taboo (sesuatu yang terlarang dalam masyarakat, jika di lakukan akan di kenakan sanction, hukuman oleh masyarakat contoh pemuluan). Mereka juga di anggap membuat cemar dan tidak boleh menjejakkan kaki lagi ke daerah tumpah darah mereka. Malah di tempat baru mereka terpaksa menghadapi pemuluan masyarakat. Masyarakat memandang hina pada pasangan yang melakukan endogami (perkahwinan sesuku). Dalam kontek Islam juga di elakkan perkahwinan dari saudara yang terdekat, kerana mengakibatkan keturunan yang kurang cergas, bijaksana dan sebagainya.

Di dalam sesuatu perkara kadang-kadang adat di lihat lebih tinggi dari ugama jika di nilai dari segi amalan. Tetapi di dalam masyarakat adat Perpatih tidak mengakui ujudnya nilai pertentangan adat dan Islam, tetapi mungkin masyarakat luar memandang terdapat kemusykilan pada tanah adat adalah milik satu suku sahaja dan memberikannya pada pihak perempuan sahaja kerana dalam kontek ini wanita sebagai insan yang lemah sekiranya berlaku kematian suami si isteri tiada tempat bergantung kecuali warisan tanah dan rumah pusaka sebagai tempat berlindung bagi membesarkan anak yang di tinggalkan. Jadi didalam kontek ini adat itu seimbang dengan ugama dalam memberikan yang hak.

1.3 Kronologi Senibina Negeri Sembilan

Rumah adalah tempat kediaman menurut masyarakat Melayu tradisional khususnya di Negeri Sembilan atau tempat tinggal manusia yang dibuat bertiang dan berlantai tinggi, berdinding dan beratap serta ada bertangga untuk naik turun. Konsep ini dengan sendirinya menolak bentuk-T bentuk bangunan lain seperti masjid dan surau (rumah ibadah), seperti tempat binatang iaitu kandang dan reban, bangsal, pondok, pundung, dangau, bagan dan sebagainya, iaitu bangunan- bangunan yang ada kaitan dengan pekerjaan dan persawahan atau perladangan. Masyarakat Melayu lama tidak dapat menerima bangunan yang tidak bertiang sebagai rumah, kerana rumah bertiang ini sudah menjadi satu syarat atau identitinya sejak zaman purba, yang di buktikan dari penemuan arkeologi, *“the finding in Sumatera also showed prehistoric settlements such as the kitchen refuse hill, where in the Epi- Palaeolithic period, people lived in house built on poles on the beach(10,000 B.C)”*.

Menurut (Ahmad Marzuki Monir, 2007) dari pembentuk sifat alam membentuk rumah tradisional Melayu diangkat tinggi (berpanggung) iaitu bertiang dan berlantai tinggi dari permukaan tanah, Selain iklim keadaan persekitaran rumah yang di kelilingi dengan gangguan binatang buas, rumah traditional Melayu terpaksa di angkat tinggi supaya terhindar dari anasir tersebut. Sebaliknya sebagai rumah yang bertiang atau berpanggung, peranan tangga merupakan aspek penting di dalam menyampaikan maksud penghuni untuk naik ke atas rumah, semua ini di anggap kompenen rumah, bahagian rumah yang hanya atap yang menganjur ke hadapan rumah yang di gunakan untuk menutup tangga daripada panas, matahari dan hujan, itu juga di panggil rumah iaitu rumahtangga. Untuk membuktikan betapa pentingnya hubungan rumah dan tangga pula ungkapan **“berumahtangga”** telah di gunakan oleh masyarakat Melayu yang bermaksud perkahwinan. Ungkapan ini menggambarkan bahawa betapa eratnyanya antara rumah dan tangga. Yang pastinya setiap rumah dalam konsep orang Melayu ialah bangunan yang agak tinggi yang semestinya mempunyai tangga. Pendeknya rumah dalam konsep tradisional ialah bangunan untuk kediaman manusia yang bertiang dan berlantai tinggi, berdinding dan berbumbung. Dan semestinya berpintu dan harus bertingkap.

Untuk membantu pemahaman mereka tentang pelbagai konsep rumah tradisional disorot beberapa bentuk binaan primitif orang Melayu yang mudah. Ia boleh dianggap sebagai asas atau permulaan evolusi rumah Melayu. Didalam konsep adat Perpatih ada menyelitkan kata perbilang yang berunsur penggunaan ayat di dalam istilah senibina Melayu “adat bersendi syarak”, menurut (Muhammad Salleh Yassin 2007) ayat sendi yang di maksudkan ialah batu yang di bentuk dan permukaan atasnya rata di gunakan untuk meletakkan pangkal tiang rumah supaya kedudukan rumah lebih mantap dan kukuh “kuat rumah kerana sendi, rosak sendi rumah binasa.”

Ayat tersebut boleh juga di sama ertikan dengan sesebuah rumahtangga yang mantap, ukhwah serta rukun haruslah berpegang pada sendi atau asasnya iaitu kekuatan pegangan ugamanya, barulah sebuah keluarga rukun damai dan bahagia. Maksud kata perbilang itu ialah tiang rumah yang telah di tegakkan kemudian baru di alaskan dengan “sendi” samalah dengan fakta sejarah bahawa orang Minangkabau telah mengamalkan adat Perpatih sebelum kedatangan Islam, apabila mereka menganut Islam adat ini telah di sesuaikan serta di perkasakan dengan aturan dan nilai-nilai Islam. Ini selari dengan firman Allah (SWT) yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda kekuasaan (rahmat) Allah bagi orang yang berakal”

(Al-Quran, Ali Imran: 190)

Kekuatan minda, ketajaman daya fikir serta dalamnya pemerhatian pengamal Adat Perpatih terhadap kejadian Allah (SWT) di alam ini melahirkan kata-kata:


“Setitik di jadikan laut, Sekepal di jadikan gunung, Alam berkembang menjadi guru”

Dan banyak lagi kata-kata perbilangan, bidalan yang semangat dan rohnya sesuai dan selari dengan kehendak Islam. Masyarakat Melayu turut meletakkan kesenian pada tangga yang tinggi dalam kehidupan mereka. Menurut Muhamad Jailani Abu Talib (2012) menzahirkan konsep '*alam berkembang menjadi guru*', kesenian dalam alam Melayu menggarap inti dan jiwa alam bagi membentuk citra dan rupa pemikiran, yakni karya seni yang dihasilkan. Didalam kontek senibina pula "*alam*" merupakan permulaan kehidupan berumah dengan keseluruhan kediaman bahan rumah tradisional di dapati dari sumber alam, persiapan mendirikan sebuah kediaman haruslah bersumberkan alam dari penyediaan tapak rumah dengan membuat berbagai ritual, sains dan doa dalam meminta keberkatan pada isi rumah sebelum mendirikan kediaman. Apakah tapak itu sesuai dengan tanah, air bawah tanah adakah sesuai untuk di gali perigi untuk mendapatkan sumber air. Jenis tanah adakah ia subur untuk bercucuk tanam di sekeliling rumah, kontour tanah adakah mengikut arah angin supaya penghuni selesa dengan tiupan angin pada waktu malam dan siang.

Semua ini hendaklah mengikut apa kata alam yang di rujuk pada kitab Melayu lama seperti "**tajul Muluk**" dalam membuat persiapan dalam segala hal tentang kehidupan termasuk dalam pembinaan rumah. Semua proses penyediaan tapak ini hendaklah berpandukan kepada doa agar kepada yang Maha Esa agar semua berjalan mengikut apa yang telah di rancangan di samping mendapat keberkatan pada isi rumah itu nanti. Konsep rumah Melayu pembinaan ruang, elemen teknikal semua terdapat didalam rumah tradisi, dari segi teknikal rumah tradisi tidak berlaku pemanasan pada ruangnya kerana setiap ruangnya di penuhi dengan ventilasi terutama pada bukaan jendela, pintu, setiap bukaan tersebut pada bahagian atasnya di lengkapi dengan bukaan ventilasi yang menampilkan corak-corak atau motif-motif flora dan fauna.

Motif tersebut berfungsi sebagai ventilasi di samping memberi laluan cahaya yang terhasil dari pancaran cahaya dan terbentuk pada lantai atau dinding rumah. Disamping pada bukaan jendela pengudaraan boleh memasuki ruang melalui bukaan ruang di bumbung dan di celahan lantai menerusi bukaan bawah runtuh kerana rumah tradisi di kategori sebagai sebagai rumah panggung atau rumah bertiang. Ruang di bawah rumah boleh di manafaat sebagai ruang untuk beraktiviti seperti menjemur pakaian di kala hujan, menumbuk padi di kala waktu menuai. Di dalam kontek menelusuri rumah tradisi Melayu yang beridentitikan sumber alam serta banyak elemen identiti yang boleh di ambil, konsep yang di ambil sama seperti elemen organik yang di kemukakan oleh akitek Wright yang berdamping dengan elemen dan bahan semulajadi.

Suasana persekitaran rumah tradisional akan di kelilingi dengan pokok-pokok rendang dengan pelbagai jenis, terdapat jenis pokok berbuah dan pokok pelbagai guna seperti pokok kelapa. Dari sudut lain ia juga berfungsi sebagai sumber bahan makanan seperti kelapa di ambil buahnya, daun buat penyapu dan sebagainya. Manakala sekeliling rumah juga di tanam dengan pokok-pokok renek, pokok herba, sayuran bagi kegunaan harian, seperti bahan masak juga sebagai bahan ubatan tradisional. Apabila tetamu tiba di hadapan halaman rumah mereka terdiri dari kalangan lelaki dan perempuan secara otomatis tamu lelaki akan terus naik ke hadapan dan kaum perempuan kesisi halaman akan menaiki tangga ke bahagian ruangan selang untuk memasuki ruangan rumah ibu atau ke ruangan dapur (Rujuk Gambar 1). Pada keadaan adab dan muhrim dari sudut adat dan Islam telah berlaku bermula dari halaman rumah lagi. Orientasi rumah hendaklah mengikut arah bahagian darat dan baruh, susunan bahagian serambi semestinya mengikut orientasi aliran air sungai hulu dan hilir.




Gambar 1. Pelan tapak rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan, orientasi perjalanan kaum lelaki (L) dan kaum perempuan (P) terus ke bahagian belakang untuk memasuki rumah.

Kebiasaan bahagian hadapan terdapat halaman iaitu kawasan lapang untuk bermain anak-anak serta beraktiviti, acara latihan silat pada masa dahulu, juga tempat mendirikan khemah sekiranya ada kenduri kendara. Pada bahagian halaman kebiasaannya mestilah bersih, tidak berumput atau bersampah. Kepentingan halaman menurut (Yaakob Idrus 1996) tergambar dalam ungkapan harian Melayu '*kampung dan halaman*'. Jika di sebut seseorang itu tidak berkampung halaman, ini berarti bahawa orang itu tersangat miskin dan hidupnya melarat. Falsafah halaman mengandungi unsur-unsur estetika. Ia kelihatan cantik dan lapang, dan bertambah cantik lagi bila di tanam pokok bunga-bunga di sekeliling halaman itu.

1.4 Peranan Adat Perpatih Mempengaruhi Ruang pada Senibina Rumah Tradisional Berbumbung Panjang Negeri Sembilan

Faktor adat perpatih yang di pakai oleh masyarakat meresap masuk sehingga ke semua ruang di dalam sebuah senibina kediaman rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan. Dari faktor perbuatan seperti perbincangan, melayan serta kedatangan tetamu, kematian dan faktor lain, banyak berhubung dengan situasi adat perpatih itu sendiri. Soal mendirikan rumah, pada susunan ruang rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan ia berserambi panjang di bahagian hadapan, ruang rumah ibu di bahagian tengah dan ruang dapur di bahagian belakang.

Menurut (Raja Bahrain 1988) didalam penulisan (Ahmad Marzukhi Monir 2007) serambi dari segi kedudukan atau hierarki, serambi di kenali sebagai "*selasar*" adalah ruang yang mempunyai aras yang lebih tinggi dari pada ruang anjung dan lebih rendah dari ruang tengah. Ia merupakan ruang umum yang di gunakan bagi menghormati tetamu lelaki yang di kenali tetapi dari golongan yang bukan mahram.



Gambar 2. Gambarajah kedudukan ruang dan orientasi manusia serta aktiviti di setiap ruang. Rajah menunjukkan kemana seharusnya diarahkan kaki dan kepala ketika tidur atau ketika sakit dan mati menurut ketentuan budaya Negeri Sembilan.

No.1 dan 2 adalah kedudukan semasa tidur di serambi bagi anak lelaki

No.3 Kedudukan tidur di dalam bilik

No.4 Kedudukan tidur atau orang sakit di ruang rumah ibu (tengah rumah)

No.5 Kedudukan mayat (membujur mayat) hendaklah selari dengan panjang tulang bumbung rumah atau ke arah kiblat.

No.6 Kedudukan semasa mayat di mandikan dan orang perempuan yang akan bersalin.

Saiz ruang setiap Serambi kadangkala terdapat perbezaan antara pemilik rumah mengikut kedudukan atau pangkat dalam struktur masyarakat, kedudukan jelas pada kedudukan serambinya yang terdiri dari serambi hujung dan Serambi tengah dan serambi pangkal ia di persetujui oleh Yaakob Idrus (1996) dan Raja Nafida (2007). Kedudukan serambi yang paling hampir dengan tangga adalah serambi Pangkal manakala yang jauh dari tangga di panggil serambi tengah. Di dalam sistem adat perpatih pengkhususan serambi pangkal (Rujuk gambar 3 (a) dan (b)), ruangan ini adalah tempat perbincangan soal-soal adat Perpatih, perbincangan keluarga, pada kebiasaan acara perkahwinan.





Gambar 3. (a) Ruang pangkal serambi, berhampiran pintu masuk utama dan pintu masuk rumah ibu; (b) Ruang pangkal serambi adalah ruangan yang di khaskan kepada perbincangan sesama ahli keluarga menjurus soal adat dan keluarga.

Serambi pangkal ini di letakkan kain tabir langit, bagi menghormati buapak (ketua adat) yang akan berbincang sesama anak buah tentang aktiviti adat, keluarga dan juga hal majlis tersebut. Serambi hujung ini lazimnya mempunyai ketinggian yang lebih dari serambi tengah dan serambi Pangkal, menunjukkan ia adalah ruang yang paling penting dari segi Hirarki ruang-ruang yang lain. Ruang ini di anggap suci kerana ia terletak pada kedudukan seperti di hulu sungai dan hulu adalah punca aliran air yang belum tercemar, di anggap suci dan mulia.

Hal ini ada di sebut dalam perbilangan adat, "**Pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu**". Rumah ketua adat ini juga adakalanya beranjung, pada rumah rakyat biasa, tidak di benarkan membina serambi tiga dan anjung ini. Serambi berfungsi sebagai menyambut tetamu dan meraikan tetamu lelaki. Tetamu lelaki ini hanya di benarkan naik sehingga ke serambi ini sahaja. Ia juga menjadi tempat solat bagi kaum lelaki dan tempat tidur anak lelaki dan tetamu lelaki yang datang bertandang. Sifat ruang serambi ini lebih umum dan terbuka dan banyak menempatkan tingkap dan bukaan supaya keadaan lebih dingin dan selesa.

Didalam majlis perkahwinan hujung serambi akan di letakkan dekorasi kain tabir langit dan kain tabir panjang serta terdapat "**tilam pandak**" atau alas tempat pengantin lelaki duduk sewaktu majlis akad nikah di jalankan dan di letakkan tempat sirih pinang di sebelahnya sebagai pembuka bicara. Sebagai penghormatan pada pengantin dan majlis yang akan di jalankan (Rujuk Gambar 4 (a) dan (b)). Selain dari itu, majlis formal seperti kenduri, majlis berkhatan, solat jenazah dan sebagainya juga di adakan di sini. Pada kebiasaan majlis akad ini ruangan hanya khusus buat kaum lelaki, manakala kaum perempuan duduk di ruangan rumah ibu bersama pengantin perempuan. Jelas sekali majlis yang berlansung di ruangan ini membezakan mahram dan bukan mahram.



Gambar 4. (a) Ruang hujung Serambi (ruang sakral atau suci) dengan kain tabir langit, tilam pandak, tepak sirih; (b) Terdapat banyak bukaan dari kekisi dan ventilasi bagi kemudahan system pengudaraan .

Ruang rumah ibu pula merupakan ruang domain perempuan. Menurut (Marzukhi Monir 2007) ruang ini adalah yang paling penting dalam komponen ruang rumah orang Melayu, terletak diantara ruang serambi dan ruang selang . Ruang ini adalah ruang persendirian dan terbuka hanya untuk ahli keluarga dan mahram. Aras Lantai ruang rumah ibu adalah tertinggi sekali jika di dibandingkan dengan ruang-ruang lain. Ini adalah bagi menghormati kaum wanita dalam sesebuah keluarga. Pada ruang ini juga terdapat tangga untuk naik ke loteng. Terdapat sebuah bilik di ruang rumah ini. Berbeza dengan ruang serambi yang terbuka, tetapi ruang ini hanya memuatkan sebuah tingkap kerana ia adalah ruang yang terlalu pribadi untuk wanita. Hanya lelaki yang ada pertalian rapat yang di benarkan masuk keruang rumah ibu ini. Oleh sebab itu pintu ke ruang rumah ibu ini terdiri dari binaan pintu sepak atau setidaknya tidaknya di tutupi dengan langsir, bagi menghalang tetamu lelaki melihat ke dalam.

Terdapat variasi pintu untuk masuk ke dalam ruangan rumah ibu, kalau kedudukan orang biasa ia menggunakan pintu satu daun dengan berukir pada sisi kerangka pintu. Sekiranya ia mempunyai kedudukan dalam masyarakat seperti penghulu atau ketua adat ia menggunakan pintu jenis sepak. Pintu terletak pada kedudukan antara serambi dengan rumah ibu, ia boleh di buka bahagian bawah dan atasnya atau kedua2 duanya sekali. Pada pintu ini terdapat ukiran yang di panggil lambai-lambai yang cantik.

Ruang dapur adalah ruang penting dalam melengkapkan sebuah kediaman, kerana ia tempat ruang untuk masak memasak sebagai aktiviti utamanya. Sebuah rumah sekunder yang agak kecil di bahagian belakang rumah ibu di panggil 'rumah dapur'. Jika banyak ruang-ruang tambahan di sisinya maka ia di kenali juga sebagai 'ibu dapur'. Menurut (Marzukhi Monir 2007) Di dalam susunatur rumah tradisional Melayu, bahagian hadapan khusus buat lelaki, manakala bahagian belakang dikhususkan untuk kaum perempuan. Apabila ruangan terletak di belakang ia memudahkan mereka untuk beraktiviti. Ruang ini juga tempat perhimpunan keluarga , makan beramai-ramai sering di adakan di ruang dapur ini. Tamu perempuan juga akan di layan di sini juga secara tidak rasmi. Pendek kata, bahagian dapur mempunyai berbagai fungsi dan susun ruangnya.

Jadi ketentuan adat kurang berlaku di bahagian dapur. Oleh itu ia di anggap sebagai ruang atau zon 'aktif'. Pada kenyataan menurut Yaakob Idrus (1996) pada masa kebelakangan ini, ruang rumah dapur benar-benar menjadi ruang keluarga, kerana kebbayakkan anggota keluarga suka duduk-duduk di ruangan ini, bertemu dan berbual, bersarapan atau makan, malah kadangkala tempat beristirehat. Ruangan ini juga mudah untuk isi rumah mendapat bahan makanan ringan dan air. Kebetulan pula ruangan ini di tempatkan dengan kemudahan televisiyen, member impak pada ruangan serambi dan tengah rumah menjadi lenggang, terutama pada siang hari.

Rumah ketua adat kebanyakannya berloteng pada rumah masyarakat biasa, perkara ini tidak di benarkan terjadi. Kedudukan seseorang itu individu itu boleh juga di ukur dari pembinaan tebar layarnya yang bertingkat. Hanya kaum bangsawan sahaja yang di benarkan membina tebar layar bertingkat. Tebar layar terdapat dari jenis dua tingkat dan tiga tingkat. Tebar layar bertingkat ini pada dasarnya membantu peredaran dan pergerakan udara dari bahagian bumbung. Membolehkan udara panas dari dalam bangunan di alirkan keluar bagi menjamin kesejahteraan penghuni. Sistem pembinaan dinding rumah juga melambangkan kedudukan seseorang. Pada rumah ketua adat, tiang tidak dapat di lihat dari luar, kerana dinding di bina dengan tidak di letakkan pada dinding. Tiang hanya boleh di lihat dari dalam rumah. Dinding luar dan dalamnya adalah menggunakan papan cembung. Dinding dalam yang menggunakan papan cembung ini adalah dinding yang memisahkan ruang serambi dan rumah ibu. Tiang adalah terdiri dari empat persegi atau lapan persegi yang di kenali juga sebagai Tiang Pecah Lapan. Menurut Yaakob Idrus (1996) dan Raja Nafida (2007), terdapat juga rumah yang menggunakan tiang berbentuk pecah lapan pada bahagian dalam rumah tetapi pada bahagian bawah rumah, tiang menjadi pecah empat. Terdapat juga tiang yang di bentuk dengan begitu menarik pada bahagian bawah rumah. Dan struktur tiang paling bawah biasanya akan di atas dengan pelapik atau alas dari bahan batu konkrit. Bagi mengelakkan tiang dari dimakan anai-anai dan anasir lain, serta menahan kelembapan tanah yang boleh merosakkan struktur tiang dan dinding.

Keluasan rumah bumbung panjang Negeri Sembilan juga ini boleh di ukur dari bilangan tiangnya. Kalau golongan bangsawan dan ketua adat lazimnya akan akan mendirikan rumah dengan bilangan dua belas tiang atau bertiang 12, kadangkala ia akan menjadi lebih besar dengan tiang berjumlah 16, 20, 24 dan kadangkala bertiang 28. Bilangan tiang-tiang ini adalah pengiraan berdasarkan tiang utama pada bahagian serambi dan rumah ibu. Dan terdapat satu tiang utama yang dipanggil "tiang seri" pada bahagian tengah rumah ibu. Semasa mendirikan rumah atau penegakkan akan di adakan sedikit bacaan doa sebagai memohon keberkatan pada isi rumah itu nanti, tiang seri akan di berikan pelapik di bawah nya atau ditanamkan emas sebagai symbol kemurahan rezeki.

Rumah tangga juga adalah satu lagi ciri-ciri rumah pembesar atau ketua adat yang terdapat di Negeri Sembilan. Ia di bina bagi melindungi tangga utama. Keistimewaan rumah berbumbung panjang Negeri Sembilan yang di miliki oleh ketua adat ini juga mempunyai ragam hias yang di pahat dan di ukir pada tiang dan bahagian-bahagian lain. Terdapat angin perubahan yang telah berlaku pada ukiran selepas kedatangan Islam, menurut (Muhamad Jailani Abu Talib 2012) kesenian Melayu turut menerima kesan yang mendalam daripada pengaruh agama Islam itu. Motif fauna yang berbentuk haiwan semakin jarang di gunakan secara bertahap, gambaran-gambaran yang memetik secara langsung daripada unsur-unsur dunia Melayu seperti haiwan-haiwan dan dewa-dewa hilang satu persatu.

Ia digantikan dengan ciri-ciri pepohon dan daun-daunan serta alam semula jadi yang lain. Ukiran-ukiran dan motif ini lazimnya banyak di gantikan dan di fokuskan kepada ukiran berbentuk flora dan terdapat juga yang berbentuk geometri. Motif ini di pilih kerana ia mempunyai keindahan dari segi rupa dan mengandungi makna simbolik. Ukiran yang terdapat pada rumah-rumah ini terdiri dari ukiran tebuk tembus dan ukiran tebuk timbul. Ukiran tebuk tembus ini membenarkan cahaya dan udara melaluinya dan lazimnya terdapat pada bahagian atas dinding bilik tidur, bahagian atas dinding yang memisahkan serambi dan rumah ibu juga pada bahagian tebar layar. Manakala ukiran tebuk timbul pula terdapat pada tiang dan kasau.

Kesimpulan

Pada keseluruhannya dapat di simpulkan sebuah negeri bernama yang sebelumnya di beri nama daerah yang akhirnya menjadi sebuah negeri yang bernama Negeri Sembilan yang di perintah luak @luak yang di perintah oleh seorang yang di beri gelar "**datuk**" yang mempunyai kewibawaan sendiri. Di percayai kewujudannya lebih awal sebelum terdirinya kerajaan Melaka, namun setelah datangnya peneroka-peneroka dari Sumatera, mereka mengembangkan budaya Minang dan akhirnya masyarakat dari Sumatera Barat ini membawa sistem adat yang lebih matrilineal dan bersuku-suku. Setelah pengaruh Islam di bawa masuk rakyatnya mengamalkan politik dan adat Melayu yang melihat tali persaudaraan melalui kedua-dua nisab ibu dan bapa, segala aktiviti budaya mengikut sistem adat Perpatih yang namun keutamaan lebih kepada pengaruh ibu adalah dominan di samping mengamalkan

system adat berdasarkan Al-Quran dan sunnah. Sistem adat perpatih ini di ikuti pula oleh orang-orang Negeri Sembilan yang asal sangat dominan di luak Rembau, Ulu Muar dan Jelebu. Manakala Johol adalah luak yang kurang dominan pengaruh Minangkabau. Kawasan pantai seperti kota Lukut atau Port Dickson terus mengamalkan adat Temenggung.

Keutamaan bagi pengaruh budaya ini adalah penempatan mereka iaitu rumah tradisionalnya. Banyak proses adaptasi budaya telah berlaku pada rekabentuk rumah tradisional bumbung panjang di Negeri Sembilan. Bentuk rumahnya tidaklah menerima kesan yang besar dari Minangkabau. Yang ada setakat ketukangan terutama bidang ukiran, bentuk rumah Negeri Sembilan tetap tidak berubah. Pengaruh ukiran ini pun terhad kepada beberapa rumah tertentu sahaja. Dan budaya rumah mempunyai kaitan dengan daerah Kampar, Sumatera atau berasal dari satu pangkal, Melayu Tua atau Jambi. Pendekata Negeri Sembilan mempunyai kebudayaan sendiri yang masih utuh, iaitu salah satu dari sub budaya Melayu.

Setelah mengenal ciri-ciri aspek budaya rumah tradisional Negeri Sembilan di samping mengenal aspek budaya-budayadannya, setiap ruang pada rumah tradisional Melayu bumbung panjang memasukkan kesemua keperluan dalam soal adat Perpatih dari segi keperluan sosial. Manakala dari kontek agama Islam pula kita dapat merasakan pegangan ukhwah telah lama berlaku, pembahagian “**ruang**” di antara lelaki dan perempuan telah lama di ujudkan secara automatik. Peranan setiap ruang dan orientasi kedudukan rumah yang di binakan berdasarkan bentuk alam sekeliling, bak kata pepatah ‘**alam terkembang menjadi guru**’, alam yang di ciptakan Allah di jadikan sandaran dan juga panduan dalam mendirikan sebuah rumah Melayu. Maka wajar kita menyakini bahawa Negeri Sembilan mempunyai kebudayaan dan identitinya sendiri, dan seharusnya lah pribuminya berbangga dengan kebudayaan yang ada dan di amalkan selama ini. Didalam paper juga banyak menyelitkan “*kata-kata perbilangan*” bagi menerangkan makna-makna ayat yang lebih halus dan simbolik, panduan, kata-kata nasihat di dalam salah silah perbuatan dan amalan masyarakat adat perpatih di Negeri Sembilan. Oleh itu adalah wajar pihak-pihak yang bertanggungjawab mengambil langkah dan inisiatif bagi mengembangkan budaya tempatan yang masih subur ini.

RUJUKAN

Ahmad Marzuki Bin Monir (2007), “**Nilai Reruang Rumah Tradisional Melayu**”: Pengaruh Falsafah Islam Dalam Rekabentuk Rumah Di Semenanjung Malaysia. Phd Thesis.

Eri Barlian (2010), **Perlaksanaan Pepatah Petitih Adat Minangkabau oleh Masyarakat Dalam Melestarikan Alam Sekitar**, Paper International Journal Of Malay World and Civilisation.

Hamka (1963), *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*, Penerbit Firma Tekad Jakarta.

Ibenzani Usman(1985), **Seni Ukir Traditional Pada Rumah Adat Minangkabau. Teknik, Pola dan Fungsinya**. Phd Thesis.

Ismail Bin Abdul Hadi (1998), *Beraja Ke Johor, Bertuan Ke Minangkabau, Bertali Ke Siak*, satu rentetan sejarah negeri Sembilan, Persatuan Sejarah Negeri Sembilan (Warisan).

Jabatan Warisan Negara (2007), **Adat Perpatih Esei Pilihan**, Perpustakaan Negara Malaysia Jabatan Warisan Negara.

Lukisan Terukur (1996/97), **Rumah Dato Muda Haji Omar B. Lajim**, Pusat KALAM, UTM.

Media Sandra Kasih(2004), *Kata Sapaan Bahasa Minangkabau Cerminan Adat dan Sistem Sosial*, Penerbit Universiti Putra Malaysia

Mohd Rosli Saludin (2011), “**Peranan Ibu Soko dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan**”: paper pilihan seminar forum adat dan syarahan Negeri, Pesta Persukuan Adat Perpatih Negeri Sembilan.

Muhammad @ Mahmud Salleh Bin Yasin (2007), “**Adat Bersendi Hukum Hukum Bersendi Kitabullah**”: Adat Perpatih Esei Pilihan, Perpustakaan Negara Malaysia Jabatan Warisan Negara.

Norazit Selat (1990), *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Muzium Negara Kuala Lumpur.

Nordin Selat (2007), *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Norhalim Hj. Ibrahim(1995), “**Negeri yang Sembilan**”: Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Raja Nafida Raja Shahminan(1999), *Evolusi Senibina Balai Adat di Negeri Sembilan*, Master Thesis

Yaakub Idrus (1996), **Rumah Traditional Negeri Sembilan**: Satu Analisis Senibina Melayu, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.